

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

HARGA MAKSIMUM AYAM DAN TELUR AYAM DIKEKALKAN BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 12 Oktober 2022 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan **Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam bermula 5 Februari 2022** sebagai langkah untuk menstabilkan harga ayam dan telur ayam disamping memastikan keberadaan bekalan tersebut di pasaran dalam Negara. Langkah prihatin pihak Kerajaan ini mengambilkira kenaikan isu kos sara hidup rakyat pada masa kini.

2. Kerajaan telah menyambung tempoh pelaksanaan **Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam yang akan berkuatkuasa pada 12 Oktober 2022** dengan kadar baru pemberian subsidi kepada telur ayam sebanyak RM0.08/sebiji kepada peladang. Ini berpunca daripada **kenaikan kos pengeluaran** dan menyebabkan **keperluan penyelarasan semula** harga telur ayam di peringkat ladang dan borong, untuk membolehkan **harga runcit telur ayam dikekalkan tanpa sebarang kenaikan**. Harga maksimum ayam pula adalah kekal bagi semua peringkat meliputi ladang, borong dan runcit.

3. Berkuatkuasa serta merta, kedudukan harga pada setiap rantaian telur ayam adalah seperti berikut:

Gred / Rantaian	LADANG	BORONG	RUNCIT
Telur Gred A	0.39	0.42	0.45
Telur Gred B	0.37	0.40	0.43
Telur Gred C	0.35	0.38	0.41

4. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa bekerjasama dengan KPDNHEP dalam membuat pemantauan untuk memastikan bekalan barangan dalam Negara sentiasa mencukupi supaya harganya terus kekal stabil.

5. Seramai 2,249 anggota Penguat Kuasa telah digerakkan di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasaraya seluruh Negara untuk melakukan pemeriksaan dan pemantauan setiap hari bagi memastikan setiap peniaga mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan selain memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menjual barang-barang harga terkawal termasuk ayam dan telur ayam melebihi harga yang telah ditetapkan Kerajaan.

6. Pihak Kementerian ingin terus mengingatkan bahawa **tindakan tegas** akan diambil sekiranya **mana-mana pihak** didapati **gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah Skim ini**. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 seperti berikut:

- (i) **Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:**
 - (a) **Individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
 - (b) **Syarikat;** boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;

- (ii) **kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu** bagi barangan harga terkawal:
 - (a) **individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
 - (b) **syarikat;** boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

7. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang maklumat berkenaan salah laku berhubung perkara ini boleh melaporkan kepada pihak KPDNHEP berserta maklumat yang lengkap melalui saluran berikut:

- (i) WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000
- (ii) Portal Aduan e-aduan.kpdnhep.gov.my
- (iii) Pusat Panggilan 1-800-886-800
- (iv) Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my
- (v) Aplikasi Ez ADU KPDNHEP
- (vi) Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088 / 6245

DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF

Ketua Setiusaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

PUTRAJAYA

12 Oktober 2022

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran. Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampikan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara. Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah self-regulated, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial